



CERAMAH ARIF BUDIMAN 9

Bahasa Indonesia
dan Bahasa Melayu:
Perkembangan Hubungan
dan Masa depannya

23 Februari 2013



PROFESOR DR MAHSUN

Kepala
Badan Pengembangan dan
Pembinaan Bahasa,
Kementerian Pendidikan dan
Kebudayaan Indonesia



BIOGRAFI

Profesor Dr Mahsun mendapat ijazah pertama (S1) daripada Fakultas Sastra, Universitas Jember pada tahun 1983. Beliau melanjutkan pelajaran dan meraih gelar (S2) atau Master di Universitas Gadjah Mada pada tahun 1991 dan di Universiti yang sama beliau berjaya mendapat gelar (S3) atau Kedoktoran pada tahun 1994.

Profesor Dr Mahsun berkhidmat sebagai Kepala Badan Pengembangan dan Pembinaan Bahasa, Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia sejak November 2011. Beliau mempunyai pengalaman penelitian atau penyelidikan yang tidak kurang hebatnya, baik di dalam negara Indonesia mahupun di luar negara. Beliau berpengalaman melakukan penyelidikan di Universiti Frankfurt, Jerman pada tahun 1991, program kajian bersama Universiti Melbourne Australia dan juga Universiti Frankfurt pada tahun 1998/99.

Dalam bidang penulisan ilmiah, Profesor Dr Mahsun telah menghasilkan lebih daripada 10 buku ilmiah dalam bidang bahasa dan dialektologi dan telah menyumbangkan lebih daripada 40 buah artikel bahasa dan sastera.

BAHASA INDONESIA DAN BAHASA MELAYU: PERKEMBANGAN HUBUNGAN DAN MASA DEPANNYA

Oleh Prof Dr Mahsun

*Kepala Badan Pengembangan dan Pembinaan Bahasa
Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan
Republik Indonesia*

Abstrak

Bahasa merupakan suatu entiti yang tidak wujud secara homogen. Bahasa hadir dalam keadaan berkeberagaman. Bahasa-bahasa yang beragam di muka bumi ini dihipotesiskan berasal dari bahasa asal yang sama. Pada mulanya, perbezaan ini hanya pada cara bicara dan kemudiannya berubah kepada perbezaan bahasa. Proses perubahan bahasa dapat diteliti secara dialektologi, sosiolinguistik, aspek ekonomi dan juga politik. Bahasa Melayu dan bahasa Indonesia mempunyai kesamaan asal dan sejarah yang sama. Pakar kedua-dua bahasa membantu penuturnya untuk membangun dan mengembangkan bahasa-bahasa tersebut. Kerjasama kebahasaan bahasa Melayu dan bahasa Indonesia telah dilakukan menerusi MELINDO (1966), MBIM (1972), MBBIM (1985) dan MASTERA (1995). Bahasa Melayu dan bahasa Indonesia berpotensi menjadi bahasa utama dalam ASEAN dan di peringkat antarabangsa. Hal ini pasti memerlukan upaya yang bersungguh-sungguh dan bersifat strategis. Kejayaannya ditentukan oleh kemampuan bahasa Indonesia dan bahasa Melayu menjadi bahasa dalam dunia pendidikan dan bahasa ilmu pengetahuan, dan teknologi.

PENGENALAN

Dalam realiti, bahasa merupakan suatu entiti yang tidak wujud homogen. Ia selalu hadir dalam keberagaman. Ia muncul dalam berbagai varian. Hanya saja keberagaman varian itu dapat mencapai tingkat perbezaan bahasa, perbezaan dialek, atau perbezaan subdialek serta perbezaan wicara tergantung pada seberapa besar faktor-faktor pendorong divergensi varian itu berperan. Dengan kata lain, secara diakronis, bahasa-bahasa yang beragam di muka bumi ini dihipotesiskan berasal dari sebuah asal yang sama, namun kerana perjalanan sejarah yang dialami para penutur bahasa yang semula tunggal itu muncul menjadi beberapa bahasa yang berbeza. Pada mulanya, perbezaan itu mungkin hanya berupa perbezaan wicara, lalu berubah menjadi perbezaan subdialek, berubah lagi menjadi perbezaan dialek, dan pada akhirnya berubah menjadi perbezaan bahasa.

Proses perubahan bahasa secara diakronis di atas, dapat didekati secara dialektologi, sosiolinguistik, ekonomi, dan politik. Secara dialektologi, bahasa yang merupakan entiti tunggal itu menjadi beberapa varian baru yang berstatus bahasa jika satu sama lain memiliki tingkat perbezaan unsur kebahasaan mencapai 80% ke atas (Mahsun, 2011). Sebaliknya, jika varian baru yang muncul itu memiliki perbezaan unsur kebahasaan di bawah peratusan tersebut maka varian-varian itu hanya berupa varian dialektal atau subdialektal dengan status masih dalam satu entitas bahasa yang sama.

Secara sosiolinguistik, bahasa tunggal yang muncul dalam berbagai varian menjadi bahasa yang berbeza jika antarpemutir varian yang berbeza itu dalam kontak satu sama lain, dengan masing-masing menggunakan isoleknya, tidak terdapat pemahaman timbal balik (*mutual intelligibility*). Sebaliknya, jika masih terdapat pemahaman timbal balik, maka kedua-dua isolek yang masing-masing digunakan komunitas yang melakukan kontak tersebut merupakan varian yang bersifat dialektal atau subdialektal. Oleh kerana itu, kedua-dua pemutir isolek itu merupakan pemutir bahasa yang sama.

Secara ekonomi, dapat dijelaskan dengan mencermati kes yang terjadi pada penutur bahasa Sumbawa di daerah lingkaran tambang PT Newmont Nusa Tenggara di wilayah kabupaten Subawa Barat dan kabupaten Sumbawa, Indonesia. Pada tahap awal, perusahaan tersebut memulai operasinya di kawasan Batu Hijau, kabupaten Sumbawa Barat. Dalam rangka mendekatkan diri dengan masyarakat yang terkena langsung dampak pertambangan, perusahaan melakukan berbagai bentuk pemberdayaan sosial melalui konsep pengembangan wilayah lingkaran tambang. Untuk merealisasikan tugas itu, perusahaan mendirikan sebuah yayasan yang diberi nama Yayasan Olat Perigi. Melalui yayasan inilah segala bentuk bantuan sosial dalam rangka pemberdayaan masyarakat lingkaran tambang dirancang dan dilaksanakan. Ketika wilayah operasi diperluas ke wilayah kabupaten Sumbawa (di wilayah Dodo dan Rinti, kecamatan Labangkar) masyarakat setempat mulai menuntut perlakuan yang sama sebagaimana yang diterima masyarakat lingkaran tambang di wilayah kabupaten Sumbawa Barat. Oleh karena di wilayah kabupaten Sumbawa ini pengaruh masyarakat adat cenderung masih dipertahankan, pihak masyarakat di wilayah lingkaran tambang Dodo dan Rinti (Lawin dan Labangkar) khawatir pemberdayaan masyarakat dilakukan melalui institusi adat tersebut bukan melalui masyarakat setempat yang terkena langsung dampak pertambangan. Untuk mencegah terjadi hal yang tidak mereka harapkan, mereka melakukan gerakan dengan mendeklarasikan diri sebagai sebuah komunitas adat yang berbeza dengan komunitas adat kesultanan yang ada di Sumbawa. Alasan yang diajukan sebagai dasar bahwa mereka merupakan sebuah komunitas masyarakat adat adalah mereka memiliki wilayah *teritorial* dan bahasa tersendiri. Mereka menamakan diri sebagai komunitas adat Cek Bocek (istilah ini merujuk pada komunitas kelas bawah yang dipertentangkan dengan kelas atas/bangsawan). Suatu hal yang menarik dari upaya memperoleh akses pada domain ekonomi pada kes di atas adalah pengidentifikasian diri sebagai sebuah komunitas yang berbeza dengan menggunakan penanda bahasa. Mereka menyatakan diri bahawa bahasa yang digunakan adalah bahasa yang berbeza dengan bahasa Sumbawa. Padahal, dari penelitian yang dilakukan Mahsun (1994 dan 2006) ditunjukkan bahawa bahasa yang digunakan oleh komunitas tersebut merupakan salah satu varian dari bahasa Sumbawa, yang diberi nama bahasa Sumbawa dialek Labangkar. Apa yang ingin dikatakan,

bahawa betapa persoalan ekonomi telah berpengaruh dalam penetapan status suatu isolek sebagai bahasa.

Selanjutnya secara politik, dimaksudkan di sini bahawa bahasa sebagai entiti tunggal dengan berbagai variannya yang bersifat dialektal atau subdialektal dapat saja varian-variannya itu dikategorikan sebagai bahasa yang berbeza karena kebutuhan akan sebuah identiti untuk tujuan secara politik. Sebagai contoh, komunitas Pattinjo, di Pinrang bahagian utara Sulawesi Selatan, komunitas Adonara di Flores Timur, atau komunitas Banyumas di Jawa Barat. Komunitas Pattinjo di wilayah tersebut merupakan komunitas yang menuturkan salah satu varian dari bahasa Makassar. Oleh karena, adanya keinginan sebagian warga masyarakat untuk mengusulkan pembentukan daerah otonom baru, mereka berupaya membezakan diri dengan komunitas penutur bahasa Makassar lainnya. Hal yang serupa terjadi pada komunitas Adonara di Flores Timur. Penutur bahasa ini membezakan diri dengan komunitas penutur bahasa Lamaholot. Padahal, isolek yang mereka tuturkan itu merupakan sebuah varian dari bahasa Lamaholot. Hal itu terjadi kerana terdapat keinginan untuk menjadikan wilayah penuturan varian Adonara sebagai sebuah daerah otonomi; baru setingkat kabupaten dalam rangka mencukupkan jumlah kabupaten yang dipersyaratkan bagi membentuk provinsi baru, dalam hal ini provinsi Flores Raya, yang dibedakan dari provinsi NTT. Begitu pula, munculnya upaya pengidentifikasian diri komunitas penutur bahasa Banyumas yang berbeda dengan penutur bahasa Jawa (Solo-Yogya) karena juga dipengaruhi oleh kehendak penutur varian bahasa Jawa tersebut membentuk daerah otonomi baru setingkat provinsi (Nothofer, 2012). Faktor politik ternyata telah mempengaruhi penghilangan batas-batas dialektologi dan sosiolinguistik suatu entiti sebagai varian dari bahasa yang sama.

Berdasarkan berbagai sudut pandang yang dapat digunakan dalam menetapkan status isolek sebagai bahasa, dialek, atau subdialek seperti diuraikan di atas menarik untuk dicermati munculnya perbezaan penamaan bahasa yang semulanya berawal dari sebuah bahasa yang sama, iaitu bahasa Indonesia dan bahasa Melayu. Berdasarkan perhitungan leksikostatistik terhadap kosa kata dasar yang dimilikinya, kedua-dua bahasa ini memiliki hubungan kekerabatan yang sangat dekat (Blust, 1991). Fakta secara

sosiologuistik, juga menunjukkan hal yang sama, kerana jika kedua-dua penutur isolek itu (penutur bahasa Indonesia dan penutur bahasa Melayu) berkomunikasi dengan menggunakan isoleknya sendiri-sendiri, pemahaman timbal balik antara mereka masih dapat terjadi. Ertinya, kedua-duanya merupakan varian dari bahasa yang sama. Bahawa terjadi penamaan yang berbeza, semata-mata hanya disebabkan faktor politis. Untuk membangun sebuah negara bangsa, bagi Indonesia hal itu sangat diperlukan, kerana salah satu perekat nasionalitas yang sangat jelas dan kuat adalah bahasa (periksa Anwar, 2008). Itulah sebabnya, jauh sebelum Indonesia merdeka, bahasa persatuan telah menjadi rumusan utama dalam perdebatan pembangunan bangsa Indonesia. Namun, dalam perkembangannya setelah kemerdekaan Indonesia tercapai dan negara-negara yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa nasionalnya seperti Malaysia, Brunei Darussalam semakin mendekatkan diri antara satu sama lain dalam membangun komunitas bahasa yang “sama”. Bagaimana prospek konvergensi yang terjadi antara bahasa Indonesia dan bahasa Melayu yang memiliki hambatan politik kebangsaan pada masa-masa yang akan datang akan menjadi pokok utama pembahasan dalam makalah ini.

PERKEMBANGAN HUBUNGAN BAHASA INDONESIA DAN BAHASA MELAYU

Kesedaran akan kesamaan asal dan sejarah antara bahasa Indonesia dengan bahasa Melayu telah menjadi pemicu utama munculnya kesefahaman antara penutur (yang diwakili pakar kebahasaan dan pemerintah negara masing-masing) untuk membangun kebersamaan dalam mengembangkan kedua-dua bahasa tersebut. Kerjasama kebahasaan yang pertama berlangsung antara Indonesia dan Malaysia pada tahun 1959. Namun, kerana terjadi ketidaksefahaman politik antara Indonesia dengan Malaysia kerjasama itu sempat terhenti. Baru pada tanggal 7 September 1966 diadakan pertemuan antara pemerintah Indonesia dengan pemerintah Malaysia untuk merintis kembali kerja sama kedua negara dalam berbagai bidang pembangunan termasuk pembangunan bidang kebahasaan. Salah satu hasil dari pertemuan itu adalah ditandatangani kesepakatan untuk bekerjasama mengembangkan aspek kebahasaan di bidang ejaan yang wujudnya berupa lahirnya Ejaan Melayu-Indonesia (Melindo).

Dalam rangka memperkuat kerjasama tersebut pemerintah Indonesia dan Malaysia bersepakat menandatangani Komunike Bersama pada 23 Mei 1972 di Jakarta. Dalam penandatanganan Komunike Bersama tersebut, pemerintah Indonesia diwakili oleh Mashuri, S.H. (Menteri Pendidikan dan Kebudayaan) sedangkan Malaysia diwakili Encik Hussein Onn (Menteri Pelajaran). Berdasarkan Komunike Bersama itulah kerjasama kebahasaan antara Indonesia dan Malaysia secara rasmi diakui pada tingkat pemerintahan negara.

Selanjutnya, untuk menindaklanjuti Komunike Bersama yang telah ditandatangani tersebut, pada 26 – 29 Disember 1972 di Malaysia dilaksanakan sidang pertama kebahasaan. Salah satu keputusan yang sangat penting dari sidang tersebut adalah kesefahaman untuk membentuk suatu wadah bersama yang dapat menaungi kegiatan kebahasaan antara kedua negara. Tepatnya pada akhir persidangan, 29 Disember 1972, dideklarasikan pembentukan sebuah majlis kebahasaan yang diberi nama Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia (MBIM). Untuk memberi arah bagi pelaksanaan tugas wadah tersebut, maka disusunlah suatu garis panduan kegiatan kebahasaan, yang diberi nama Piagam Kerjasama Kebahasaan. Piagam ini ditandatangani oleh Dr Amran Halim, selaku wakil dari Panitia Pengembangan Bahasa Indonesia dan Datuk Haji Sujak bin Rahiman, selaku wakil dari Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia.

Lahirnya Piagam Kerjasama Kebahasaan membawa dampak pada peningkatan kepercayaan pihak Brunei Darussalam dan Singapura untuk bergabung ke dalam wadah kebahasaan yang baru dibentuk. Sejak tahun 1980, Brunei Darussalam dan Singapura menjadi pemerhati rasmi dalam sidang-sidang Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia yang diselenggarakan secara bergiliran di antara kedua Negara.

Lima tahun kemudian, tepatnya pada 4 November 1985, Brunei Darussalam menyatakan diri menjadi anggota tetap wadah tersebut, sehingga nama wadahnya berubah menjadi Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (Mabbim). Bergabungnya Brunei Darussalam dalam wadah itu sebagai anggota tetap mengakibatkan kerjasama bidang kebahasaan serantau menjadi semakin kukuh. Oleh karena itu, keberadaan

Brunei Darussalam sebagai anggota tetap dipandang perlu diperkuat melalui Piagam Kerjasama Kebahasaan yang baru, sebagai perluasan piagam kerjasama sebelumnya. Piagam kerjasama yang baru tersebut ditandatangani pada 11 Jun 1987.

Dalam rangka mewujudkan kerjasama yang dilandasi pada Piagam Kerjasama yang baru, pada masing-masing negara, dibentuk panitia atau jawatankuasa. Di Indonesia, wujud panitia bentukan tersebut, diberi nama Panitia Kerjasama Kebahasaan (Pakersa), yang sebelumnya bernama Panitia Pengembangan Bahasa Indonesia sedangkan di Malaysia diberi nama Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu (JKTBM). Adapun di Brunei Darussalam, panitia serupa baru terbentuk setahun setelah Brunei Darussalam bergabung sebagai anggota tetap dengan nama Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu Brunei Darussalam (JKTBMBD).

Kehendak untuk menjadikan bahasa di ketiga negara itu sebagai bahasa yang mampu menjadi alat ekspresi alam fikiran manusia moden, Mabbim bersepakat untuk memperkuat barisan dalam mengembangkan bahasa di ketiga negara. Untuk itu, pada tanggal 31 Julai 2006 di Jakarta, pemerintah ketiga negara anggota Mabbim bersepakat untuk menandatangani Komunike Bersama. Suatu komunike yang merupakan pernyataan tekad untuk kembali memartabatkan bahasa kebangsaan ketiga negara.

Berbagai program yang dilakukan dalam rangka menjadikan bahasa Indonesia dan bahasa Melayu sebagai bahasa moden telah diikhtiarkan melalui berbagai program Mabbim. Secara umum, program-program Mabbim tersebut diembankan melalui kegiatan komisi-komisi:

- a. Komisi Peristilahan menangani persoalan: pepadanan istilah, penyusunan glosarium, penyusunan kamus bidang ilmu, penerbitan hasil;
- b. Komisi Penelitian, menangani persoalan: penelitian keberterimaan istilah-istilah yang telah dihasilkan Mabbim dan pengumpulan korpus kebahasaan, penerbitan hasil kegiatan kebahasaan;
- c. Komisi Kegiatan, menangani persoalan: seminar bahasa Indonesia/Melayu, pelatihan kebahasaan seperti pelatihan penulisan akademik, pelatihan leksikologi;

Sejak tahun 1972 hingga kini Mabbim telah menghasilkan:

- a. Pedoman Umum Ejaan Bahasa Indonesia/Melayu;
- b. Daftar Kumulatif istilah;
- c. Glosarium bidang ilmu (40 bidang ilmu);
- d. Kamus bidang ilmu;
- e. Pedoman Umum Pembentukan Istilah;
- f. Pedoman Penyusunan Kamus Bidang Ilmu;
- g. Prosiding seminar; dan
- h. Jurnal Rampak Serantau.

Suatu hal yang sangat menggembirakan, meskipun belum sepenuhnya istilah itu tersosialisasi dengan baik dalam kalangan pemakai bahasa Indonesia dan Melayu, terdapat program penyamaan dalam pembentukan istilah berbagai bidang ilmu. Program ini sungguh sangat strategis bagi pengembangan bahasa Indonesia dan bahasa Melayu sebagai bahasa yang mampu menjadi sarana penyampaian dan pengembangan ilmu pengetahuan dan teknologi. Sampai saat ini berbagai kemajuan yang dicapai melalui program ini terhasil daripada usaha menyepakati istilah untuk 40 bidang ilmu, iaitu bidang ilmu: matematik, kimia, fizik, biologi, kedokteran, kedokteran gigi, kedokteran haiwan, psikologi, keperawatan, kesihatan masyarakat, farmasi, herba, teknik, teknologi informasi, perhutanan, pertanian dan perkebunan, peternakan, perikanan, sosiologi, arkeologi, sejarah, filsafat, agama Islam, administrasi niaga (MBIM), ekonomi, pengurusan (MBIM belum berdasarkan pada klasifikasi ilmu), kewangan, statistik, geografi, geologi, dan hidrologi, pelayaran dan meteorologi, ilmu hukum, ilmu politik, komunikasi massa, pariwisata, ilmu pendidikan, linguistik, kesastraan, kepustakaan, kesenian, dan olahraga dengan kurang lebih telah berwujud 350,000 istilah.

Tidak hanya itu, kerjasama dalam rangka memperkuat daya unguap bahasa Indonesia dan bahasa Melayu untuk menjadi bahasa moden juga digalakkan dalam bentuk kegiatan bersastra. Untuk kegiatan yang terakhir ini diwadahi dalam satu wadah yang diberi nama Majlis Sastra Asia Tenggara (Mastera), yang awal pembentukannya di Kuala Lumpur, Malaysia, tahun 1995. Suatu hal yang sangat menggembirakan lagi adalah dalam sidang Mastera yang ke-18 di Kuala Lumpur, Malaysia

tahun 2012, Singapura resmi menjadi anggota tetap Mastera. Dengan masuknya Singapura menjadi anggota tetap Mastera (diharapkan dalam waktu tidak terlalu lama lagi Singapura bergabung menjadi anggota tetap Mabbim(s), ikhtiar kebersamaan dalam upaya menjadikan bahasa Indonesia dan bahasa Melayu sebagai bahasa pergaulan internasional semakin nyata. Namun demikian, sudah cukupkah ikhtiar yang dilakukan itu dapat mempercepat bahasa Indonesia dan bahasa Melayu menjadi bahasa pergaulan internasional. Jawaban yang dapat diberikan, ialah masih memerlukan kerja keras di antara kita, di antaranya seperti yang akan dipaparkan di bawah ini.

MASA DEPAN BAHASA INDONESIA DAN BAHASA MELAYU

Mempersoalkan masa depan bahasa Indonesia dan bahasa Melayu sama halnya dengan mempersoalkan: (1) apakah kedua-dua bahasa itu berkembang menuju divergensi atau konvergensi linguistik dan (2) mampukah kedua-dua bahasa itu menjadi bahasa pergaulan internasional, misalnya sebagaimana peran yang dimainkan oleh bahasa Inggris? Terkait dengan hal ini, menarik untuk disimak pernyataan yang dikemukakan oleh ketua DPR/MPR RI Marzuki Ali pada sidang ke-32 *Asean Inter-Parliamentary Assembly (AIPA)* 2011 di Phnom Penh, Kamboja dan pernyataan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia pada pertemuan wartawan dan budayawan Malaysia-Indonesia, di Bukit Tinggi, 23–26 September 2011, bahawa bahasa Indonesia/Melayu sudah selayaknya menjadi bahasa pengantar pergaulan di kawasan Asean (*Harian Kedaulatan Rakyat*, 25 Oktober 2011). Kedua-dua pernyataan di atas menunjukkan adanya keinginan yang cukup besar dari negara-negara yang tergabung dalam Asean untuk menjadikan bahasa Indonesia/Melayu sebagai bahasa pergaulan internasional, paling tidak diawali di kawasan Asean. Alasan yang dikemukakan, misalnya oleh Ketua DPR/MPR RI tersebut adalah bahasa Indonesia merupakan bahasa yang memiliki penutur terbanyak keenam di dunia, setelah bahasa Mandarin, bahasa Inggris, bahasa Hindi, bahasa Spanyol, dan bahasa Arab.

Untuk menjadikan suatu bahasa sebagai bahasa pergaulan internasional diperlukan upaya yang sungguh-sungguh dan strategis. Dalam kaitan dengan itu, menarik untuk ditengok perjalanan historis yang dialami negara bangsa yang memiliki peradaban besar dan maju di dunia yang didukung oleh kekuatan bahasa nasionalnya. Berbagai bukti sejarah telah menunjukkan bahawa kemajuan suatu masyarakat (bangsa) tidak dapat dilepaskan dari kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi. Sementara itu, bukti sejarah juga menunjukkan bahawa kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi yang membawa kepada kemajuan peradaban suatu bangsa, misalnya kemajuan peradaban Islam pada masa lampau, tidak lepas dari kemampuan para intelektual Muslim abad 9 – 12 dalam menyerap, mengambil, serta melakukan telaah kritis atas ilmu pengetahuan yang berkembang di Yunani Kuno melalui penterjemahan semua ilmu pengetahuan Latin - Yunani ke dalam bahasa Arab. Begitu pula kemajuan bangsa-bangsa Eropah – Latin sekarang tidak lepas dari ikhtiar mereka dalam mengembangkan ilmu pengetahuan dan teknologi melalui penterjemahan ilmu pengetahuan yang berbahasa Arab ke dalam bahasa Eropah-Latin sekitar abad ke-12. Bahkan dalam bentuk yang belum terlalu jauh lepas dari ingatan ialah pengalaman yang dialami bangsa Jepang. Bangsa ini, meskipun telah diporakperandakan melalui pengeboman di Hiroshima dan Nagasaki pada Perang Dunia Kedua, mereka telah mampu bangkit menjadi bangsa yang memiliki kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi yang diperhitungkan dunia. Tentu, kemajuan yang dicapai bangsa Jepang tersebut tidak lepas dari ikhtiar yang mereka lakukan berupa penterjemahan semua ilmu pengetahuan ke dalam bahasa Jepang. Atas dasar itulah mereka memiliki ruang untuk menyerap, mengambil dan melakukan telaah kritis terhadap ilmu pengetahuan dan teknologi tersebut. Kes ekstrim yang menjadi fakta sejarah yang tidak terbantahkan bahawa pengembangan peradaban tidak lepas dari pengembangan daya ungkap bahasa adalah penggunaan aksara Latin dalam sistem tulis tata sebagian besar bangsa-bangsa di dunia. Kenyataan ini tidak dapat dimungkiri sebagai bentuk bukti-bukti historis tentang bagaimana bahasa Latin Yunani mendukung perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi di Yunani kuno. Dengan kata lain, penggunaan aksara Latin dari sistem tulis tata berbagai bangsa di dunia merupakan bukti linguistik dari sisa-sisa perjalanan historis kemajuan peradaban bangsa Latin-Yunani kuno.

Ada suatu hal yang ingin disampaikan dari kisah sukses bangsa-bangsa yang memiliki peradaban tinggi dalam percaturan sejarah dunia di atas, iaitu: mereka membangun diri melalui politik identitas berupa pengutamaan penggunaan bahasa rasmi negara mereka. Penggunaan bahasa rasmi negara tersebut tidak hanya ditujukan pada saat pidato rasmi kenegaraan tetapi yang paling penting adalah menjadikan bahasa itu sebagai bahasa pengantar utama dalam dunia pendidikan.

Penggunaan bahasa rasmi negara sebagai bahasa pengantar dalam dunia pendidikan tidak hanya dimaksudkan sebagai bahasa pengantar dalam proses belajar mengajar di dalam kelas, tetapi juga dijadikan bahasa pengantar pada sajian ilmu pengetahuan dan teknologi, seperti dalam bentuk laporan penelitian, buku teks, atau bentuk sajian ilmiah lainnya. Termasuk dalam bentuk yang terakhir ini adalah penterjemahan semua hasil ilmu pengetahuan dan teknologi ke dalam bahasa Indonesia dan bahasa Melayu.

Pengutamaan penggunaan bahasa rasmi negara dalam dunia pendidikan tercakup pula upaya menjadikan bahasa itu sebagai salah satu bahan pembelajaran di sekolah-sekolah. Hal ini penting sebagai ikhtiar menjaga keberlangsungan proses transmisi bahasa dari generasi ke generasi secara sistematis, terencana, dan terkawal. Jika bahasa rasmi negara tidak lagi dijadikan sebagai bahasa pengantar dalam dunia pendidikan dapat dibayangkan bahawa dalam beberapa tahun kemudian bahasa itu akan mulai kehilangan jumlah penuturnya, yang lambat laun akan membawa pada krisis identitas.

Berdasarkan huraian di atas, kiranya ikhtiar menjadikan bahasa Indonesia dan bahasa Melayu sebagai bahasa pergaulan internasional dapat ditempuh melalui cara menjadikan bahasa Indonesia dan bahasa Melayu sebagai bahasa utama pengantar pada dunia pendidikan. Termasuk dalam ikhtiar di atas adalah kajian-kajian akademik yang dihasilkan hendaknya disebarluaskan melalui penggunaan bahasa Indonesia dan bahasa Melayu. Apabila sampai saat ini negara-negara yang telah menjadikan bahasa Indonesia dan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara telah berhasil menyepakati istilah-istilah ilmu pengetahuan (yang

terhimpun dalam glosarium bidang ilmu) seperti dipaparkan di atas, maka persoalannya adalah sudah sejauh manakah istilah-istilah itu berterima pada masyarakat penutur kita. Dengan telah rasminya Singapura menjadi anggota tetap Mastera, tahun lalu pada sidang Mastera ke-18 di Kuala Lumpur, mudah-mudahan dalam waktu dekat juga akan bergabung sebagai anggota tetap pada MABIM, sehingga nantinya menjadi Mabbims, ikhtiar kita menjadikan bahasa Indonesia dan Melayu sebagai bahasa pergaulan internasional akan semakin nyata.

KESIMPULAN

Berdasarkan huraian di atas dapat dikemukakan beberapa hal sebagai kesimpulan seperti yang berikut:

- a. Bahasa Indonesia dan bahasa Melayu secara diakronis merupakan varian dari sebuah bahasa yang sama. Oleh kerana faktor politik, kedua-dua varian dari bahasa yang sama tersebut mewujudkan diri dalam nama yang berbeza: bahasa Indonesia dan bahasa Melayu.
- b. Penamaan yang berbeza dengan landasan politik kebangsaan yang berbeza tidak lalu membuat dua varian bahasa ini melakukan gerakan divergensi, sehingga satu sama lain saling menjauh. Sebaliknya, yang terjadi adalah gerakan konvergensi linguistik menuju kesamaan pandangan arah pengembangan bahasa. Keutuhan posisi dan peran persatuan negara-negara di kawasan Asia Tenggara dalam wadah ASEAN ada kecenderungan mengindikasikan perlunya suatu bahasa pergaulan bersama, paling tidak untuk kawasan ASEAN. Hal ini memberi dukungan yang kuat bagi terpeliharanya proses konvergensi bahasa Indonesia dan bahasa Melayu.
- c. Ikhtiar menjadikan bahasa Indonesia dan bahasa Melayu sebagai bahasa pergaulan internasional sangat ditentukan oleh kemampuan bahasa Indonesia dan bahasa Melayu menjadi bahasa dalam dunia pendidikan, dan bahasa ilmu pengetahuan dan teknologi. Termasuk dalam kegiatan menjadikan bahasa Indonesia dan bahasa Melayu sebagai bahasa dalam dunia pendidikan dan Iptek adalah kegiatan menerjemahkan semua karya-karya ilmu pengetahuan ke dalam bahasa Indonesia dan bahasa Melayu.

- d. Terbentuknya wadah yang menaungi kerjasama pengembangan bahasa Indonesia dan bahasa Melayu (Mabbim) dan bergabungnya Singapura sebagai anggota tetap Mastera, dan dalam waktu dekat diharapkan menjadi anggota tetap Mabbim(S), tidak hanya memberi dukungan bagi terpeliharanya proses konvergensi bahasa Indonesia dan bahasa Melayu, tetapi juga memberi dukungan yang besar bagi ihktiar mewujudkan bahasa Indonesia dan bahasa Melayu sebagai bahasa pergaulan internasional.

RUJUKAN

- Anwar, Ahyar. 2008. "Bahasa Indonesia dan Realitas Indonesia". Makalah Kongres Bahasa Indonesia ke-IX, di Jakarta.
- Blust, R. 1991. "Linguistik Historis Bahasa Melayu: Sebuah Laporan Kemajuan". Dalam Harimurti Kridalaksana (ed.). 1991. Masa Lampau Bahasa Indonesia: Sebuah Bunga Rampai. Yogyakarta: Kanisius.
- Mahsun. 1994. "Penelitian Dilektologi Geografis Bahasa Sumbawa". Disertasi Doktor Universitas Gadjah, Yogyakarta.
- Mahsun. 1995. *Dilektologi Diakronis: Sebuah Pengantar*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Mahsun. 2006. *Kajian Dialektologi Diakronis Bahasa Sumbawa di Pulau Sumbawa*. Yogyakarta: Gama Media.
- Nothofer, Bernd. 2012. "Dialek Banyumas dan Basa Cirebon: Penggunaan Dua Varian Bahasa Jawa sebagai Lambang Jati Diri dalam Perjuangan Pembentukan Daerah Otonom. Makalah yang Disajikan pada Seminar Internasional Menimang Bahasa Membangun Bangsa, pada tanggal ... di Hotel Grand Legi, Mataram.

PROFESOR DR MAHSUN



